


5H4M

# HONG KONG + ZHUHAI + MACAU + SHENZHEN



*Eiffel Tower Macau adalah replika kepada Paris Eiffel Tower dan saiznya adalah separuh daripada asal.*

## Map



Musim Panas:  
Jun - Ogos



Musim Luruh:  
Sept - November



Musim Sejuk:  
Disember - Feb



Musim Bunga:  
Mac - Mei



CHINESE  
YUAN:  
CNY 1



RINGGIT  
MALAYSIA:  
MYR 0.65



PERBEZAAN WAKTU  
CHINA: GMT+8

## TOUR HIGHLIGHTS

1



**EIFFEL TOWER MACAU:**  
Menawarkan pemandangan panoramik bandar Macau dari dek pemerhatiannya.

2



**YUANMING PALACE:**  
Sebuah taman tema budaya dan sejarah yang terletak di Zhuhai, wilayah Guangdong, China. Taman ini adalah replika sebahagian daripada Istana Musim Panas Lama.

3



**VENITIAN MACAU:**  
Sebuah resort kasino mewah yang terletak di Cotai Strip, Macau. Ia terkenal dengan reka bentuknya yang menggabungkan seni bina dan suasana Venice, Itali.

4



**NANTOU ANCIENT CITY:**

Kawasan peninggalan bersejarah yang mempunyai bangunan-bangunan lama dan struktur bersejarah seperti tembok kota, pintu gerbang dan kuil-kuil kuno.


5



**1881 HERITAGE:**

bekas bangunan polis yang terkenal dengan seni bina bersejarahnya. Pelancong boleh menikmati seni bina bersejarah, membeli-belah di butik mewah, menjamu selera.

6



**LADIES MARKET:**

Pasar ini terkenal dengan pelbagai barangan seperti pakaian, aksesori, cenderahati, mainan dan peralatan rumah tangga, kebanyakannya ditujukan untuk wanita, yang memberi nama kepada pasar ini.

7



**AVENUE OF STAR:**

Ini adalah 'Walk of Fame' versi Hong Kong yang memamerkan patung-patung perak yang menghormati selebriti industri filem tersohor seperti Bruce Lee.

## HOTEL PENGINAPAN | 4\* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Zhuhai	ZHU Grand Inn	1 Mlm
Shenzhen	SZX Century Plaza	2 Mlm
Hong Kong	HKG Panda Hotel	1 Mlm

## JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 78	KUL - HKG	1950	2350
5	MH 79	HKG - KUL	0845	1250

### HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 4\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

### HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

5H4M

# HONG KONG + ZHUHAI + MACAU + SHENZHEN



## HARI 01 KUALA LUMPUR - HONG KONG - ZHUHAI

Berkumpul di lapangan terbang antarabangsa Kuala Lumpur untuk menaiki penerbangan ke Hong Kong.

Lawatan di Zhuhai:

- Melawat **New Yuanming Palace** yang merupakan sebuah taman tema budaya dan sejarah yang terletak di Zhuhai, wilayah Guangdong, China. Taman ini adalah replika sebahagian daripada Istana Musim Panas Lama (Yuanmingyuan) di Beijing, yang telah dimusnahkan pada tahun 1860. Ia merangkumi pelbagai paviliun, kuil dan jambatan, memberikan gambaran tentang keagungan taman diraja asal.

- Bersiar-siar di **Lover Road** yang terletak di sepanjang pantai, jalan ini menawarkan pemandangan laut yang menakjubkan dan suasana yang tenang. Lover's Road dilengkapi dengan laluan pejalan kaki, taman dan tempat duduk, menjadikannya tempat yang popular untuk pelancong berjalan-jalan dan menikmati pemandangan.

- Berfoto dengan **Fisher Statue** yang merupakan destinasi popular pelancong lawati. Patung ini menggambarkan seorang wanita nelayan yang memegang mutiara tinggi-tinggi dan ia melambangkan keberanian dan keazaman rakyat Zhuhai. Bermalam di Zhuhai.

## HARI 02 ZHUHAI - MACAU - SHENZHEN

Lawatan di Macau:

- Melawat **Native Store** yang menampilkan produk-produk tempatan dan tradisional. Kedai ini menawarkan pelbagai barangan seperti kraftangan, pakaian tradisional dan cenderahati yang mencerminkan warisan budaya dan sejarah unik Macau.

- Berfoto di **Ruins of St Paul** yang merupakan fasad depan gereja yang dibina pada awal ke-17 sebagai sebahagian daripada Kolej St Paul. Gereja ini terbakar pada tahun 1835, menyebabkan kemusnahan hampir keseluruhannya kecuali fasad yang masih berdiri.

- Bersiar-siar di sekitar **Eiffel Tower Macau** yang merupakan replika ikonik Menara Eiffel yang terkenal di Paris. Terletak di kompleks kasino dan resort The Parisian Macao, menara ini dibina dengan skala separuh daripada yang asal. Ia menawarkan pemandangan panoramik bandar Macau dari dek pemerhatiannya.

- **Venetian Macau:** Sebuah resort kasino mewah yang terletak di Cotai Strip, Macau. Ia terkenal dengan reka bentuknya yang menggabungkan seni bina dan suasana Venice, Itali termasuk terusan buatan yang dilengkapi dengan gondola. Resort ini menawarkan pelbagai kemudahan seperti kasino besar, hotel, pusat beli-belah, restoran dan dewan konvensyen.

- **Zhuhai Theatre:** Teater ini menjadi tempat utama untuk pelbagai acara seni dan budaya seperti konsert, teater dan pertunjukan tarian, serta menjadi tarikan penting bagi penduduk tempatan dan pelancong. Bermalam di Shenzhen.

## HARI 03 SHENZHEN

Lawatan di Shenzhen:

- Membeli-belah di **Herb dan Jade Shop** yang menawarkan pelbagai jenis herba yang digunakan dalam perubatan tradisional Cina seperti ginseng, wolfberry dan akar-akar ubatan lain.

- Bersiar-siar di **Oct Bay** yang menawarkan pelbagai tarikan termasuk taman tema, pusat beli-belah, restoran, hotel dan kawasan tepi laut yang indah. Tempat ini terkenal dengan persembahan air dan cahaya yang spektakular serta suasana yang santai dan menyenangkan.

- Melawat **Lotus Mountain** yang boleh menikmati aktiviti seperti pendakian, berjalan-jalan dan menikmati udara segar dari ketinggian. Selain itu, Lotus Mountain juga mempunyai taman-taman yang indah dengan pelbagai spesies flora dan fauna tempatan.

- Melawat **Nantou Ancient City** yang merupakan kawasan peninggalan bersejarah yang mempunyai bangunan-bangunan lama dan struktur bersejarah seperti tembok kota, pintu gerbang dan kuil-kuil kuno. Nantou Ancient City

merupakan tempat yang penting dalam sejarah perkembangan Shenzhen dari sebuah kampung nelayan menjadi bandar moden.

- Bersiar-siar malam di Shenzhen dengan menaiki bas double decker.

Bermalam di Shenzhen.

HARI **04** SHENZHEN - HONG KONG SP/MT/MM

- Melawati **1881 Heritage** yang merupakan bekas bangunan polis yang terkenal dengan seni bina bersejarahnya. Pelancong boleh menikmati seni bina bersejarah, membeli-belah di butik mewah, menjamu selera di restoran eksklusif dan menikmati pameran serta acara budaya yang sering diadakan disini.
- Melawat **West Kowloon Cultural Park** yang merupakan sebuah pusat seni dan budaya yang terletak di tepi pantai di Kowloon Barat. Ia menawarkan pelbagai kemudahan seperti teater, galeri seni, ruang pameran dan taman-taman awam yang luas. Taman budaya ini bertujuan untuk mempromosikan seni dan budaya di Hong Kong dengan menyelenggara berbagai acara seni seperti pentas teater, konsert, pameran seni visual dan festival budaya.
- Melawat **Ladies Market** yang terletak di daerah Mong Kok di Kowloon. Pasar ini terkenal dengan pelbagai barangan seperti pakaian, aksesori, cenderahati, mainan dan peralatan rumah tangga, kebanyakannya ditujukan untuk wanita, yang memberi nama kepada pasar ini. Dengan lebih dari 100 gerai yang berderet sepanjang jalan Tung Choi Street, pasar ini adalah tempat yang popular bagi penduduk tempatan dan pelancong untuk tawar-menawar harga.
- Melawat **Clock Tower** yang dibina pada tahun 1915 sebagai sebahagian daripada Stesen Kereta Api Kowloon-Canton. Di Clock Tower Hong Kong, pelancong boleh menikmati pemandangan indah Victoria Harbour, mengambil gambar mercu tanda bersejarah ini dan berjalan-jalan di sekitar Tsim Tsui Promenade.
- Bersiar-siar di **Golden Bauhinia Square** dan mengambil gambar dengan patung bauhinia berwarna emas. Dataran ini menjadi simbol penting kerana disinilah serah terima kedaulatan Hong Kong dari Britain kepada China pada tahun 1997 berlangsung. Di Golden Bauhinia Square Hong Kong, pelancong juga boleh menghadiri upacara mengibarkan bendera pagi, menikmati pemandangan Victoria Harbour.
- Melawat **Avenue of Star** yang menawarkan pemandangan indah ke Pelabuhan Victoria serta patung-patung perak yang menghormati selebriti dari industri filem Hong Kong. Pelancong boleh mengambil gambar dengan patung-patung disitu dan menikmati acara-acara seni dan budaya yang diadakan di sepanjang jalur ini.
- Membeli-belah di **Jewelry and Choco Shop** menawarkan pelbagai perhiasan seperti cincin, kalung dan gelang yang direka dengan teliti serta pelbagai jenis coklat buatan tangan yang mewah dan berkualiti tinggi.

Bermalam di Hong Kong.

HARI **05** HONG KONG - KUALA LUMPUR SP

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

